



PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL. 1 / 2023
PADA 1 FEBRUARI 2023 (RABU) JAM 2.30 PETANG

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB :
 - i) YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban ;
 - ii) YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah ;
 - iii) YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng ;
 - iv) YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya ;
 - v) YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau ;
 - vi) YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang ;
 - vii) YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
 - viii) YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

YBhg. Dato' & Tuan Puan sekalian

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
4. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai - pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada Majlis bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berjalan lancar dan dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.
5. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita berjaya mengharungi cabaran-cabaran yang datang dan turut memperolehi pelbagai anugerah serta pengiktirafan pada tahun 2022. Diharapkan cabaran seperti bencana alam dapat di atasi dengan menambahbaik usaha, gerak kerja dan langkah siapsiaga ke atas sebarang kebarangkalian yang bakal berlaku. Di samping itu, jadikanlah kejayaan-kejayaan lalu sebagai pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih kuat lagi pada tahun ini.
6. Pentadbiran Majlis turut berharap agar dengan nama yang dipikul sebagai Bandaraya Seremban dapat menjadikan kawasan di bawah pentadbirannya sebuah bandar raya pintar yang mampan, bersih dan berdaya maju dapat dikecapi suatu hari nanti. In Shaa Allah.

YBhg. Dato' & Tuan Puan sekalian

7. Pada 9 Januari 2023 yang lalu, telah berlangsung Majlis Amanat YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan yang menekankan **“PERKHIDMATAN ASAS TERBAIK JADI MISI UTAMA KPKT 2023”**
8. 5 Misi Utama Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam menyampaikan khidmat terbaik kepada rakyat adalah memastikan perkhidmatan asas Pihak Berkuasa Tempatan seperti;
 - I. **Jalan raya rata**
 - Memastikan jalan raya yang rata dan tidak berlubang.
 - II. **Lampu terang**
 - Pemasangan lampu jalan yang terang dengan menggunakan LED & tenaga solar.
 - III. **Longkang bersih**
 - Longkang yang bersih dan tidak tersumbat, mampu elak daripada berlakunya banjir.
 - IV. **Kebersihan tandas awam**
 - Tandas-tandas awam yang bertaraf 'BMW' iaitu Bersih, Menawan dan Wangi serta mesti mempunyai skuad pengawas tandas awam.
 - V. **Dasar & SOP yang tidak membebankan rakyat**
 - Sebarang dasar & SOP perlulah berorientasikan rakyat & tidak menyusahkan rakyat.

YBhg. Dato' & Tuan Puan sekalian

9. Masalah jalan raya berlubang, lampu jalan yang malap atau tidak menyala, longkang tersumbat sehingga menyebabkan banjir kilat, tandas awam yang gagal bertaraf BMW (bersih, menawan dan wangi) adalah isu utama bagi orang awam. Walaupun perkara-perkara ini kelihatan asas dan ringkas, tetapi ianya sentiasa dekat di hati rakyat. Penyelesaian kepada isu ini menjadi kayu pengukur kepada kecekapan Majlis bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada warga Bandaraya Seremban.
10. Bagi tujuan tersebut, saya arahkan Pengarah Kejuruteraan, Pengarah Taman & Landskap dan Pengarah Pembersihan & Kesihatan Persekitaran untuk gunakan semua peruntukan penyelenggaraan *Zoning* dalam tempoh 6 Bulan pertama tahun 2023 bagi memenuhi hasrat YB Menteri KPKT. Saya mohon Pengarah Kejuruteraan MBS untuk menyelaraskan laporan semua jabatan melalui mesyuarat infra MBS akan datang.

YBhg. Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

11. Seterusnya, YB Menteri juga menerangkan konsep pendekatan pentadbiran KPKT yang dirangkumkan sebagai 'ABCD' iaitu:
 - A : Amanah, Adil dan Arif;
 - B : Bersih dan Bela;
 - C : Cekap, Cergas dan Cepat; dan
 - D : Disiplin.
12. Melalui gabungan budaya kerja dan pendekatan Kementerian melalui konsep 'ABCD', saya yakin warga MBS dapat menerapkan nilai-nilai tersebut bagi memberi perkhidmatan buat seluruh warga bandar raya selari dengan hasrat KPKT.
13. YB Menteri turut menegaskan bahawa akan mengambil pendekatan penerapan nilai-nilai murni yang selari dengan budaya Melayu seperti ringan tulang, sopan santun, berbudi bahasa, berjimat-cermat, saling hormat-menghormati, kepimpinan melalui teladan dan menyayangi alam sekitar. Etika dan nilai-nilai murni haruslah menjadi amalan ketika berurusan dengan masyarakat serta menjadi teras dalam budaya kerja. Saya percaya nilai-nilai sejagat ini yang terpakai untuk semua kaum akan sekali gus memperbaiki mutu penyampaian perkhidmatan MBS.

YBhg. Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

14. Selain itu, KPKT juga menggariskan **Tujuh Bidang Fokus Baharu KPKT** pada tahun 2023 adalah :
- I. Membangun Dan Memperkasa Peranan Kerajaan Tempatan
 - II. Membangun Potensi PBT Bagi Menjana Sumber Pendapatan Tambahan Negara
 - III. Perancangan Perumahan Yang Lebih Komprehensif Dan Berdaya Saing
 - IV. Pemerksaan Komuniti Tanpa Mengira Kaum
 - V. Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Yang Lebih Efektif Dan Efisyen Bagi Menghasilkan Pelaksanaan Ke Arah Ekonomi Kitaran
 - VI. Memperkukuh Agenda Bandar Mampan Dan Pintar Ke Arah Perbandaran Baharu
 - VII. Memperkukuh Kesiapsagaan Kebombaan Dan Penyelamatan Yang Sejahtera
15. Sememangnya **7** bidang fokus baharu ini adalah antara misi utama kementerian bagi menyampaikan khidmat terbaik dan menjadi kayu pengukur kepada kecekapan Kerajaan Tempatan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

YBhg. Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

16. KPKT turut akan memberikan kerjasama penuh bagi membangun potensi PBT sebagai organisasi kukuh kewangan, dapat merencanakan aktiviti ekonomi setempat dan meningkatkan daya ekonomi supaya PBT dapat berdiri sendiri dan kurang bergantung kepada Kerajaan Negeri mahupun Persekutuan. Sehubungan dengan itu, alternatif gerak kerja kutipan cukai seperti kaunter bergerak & pintu ke pintu hendaklah diteruskan memandangkan hasil kutipan cukai MBS sentiasa meningkat sejak tahun 2020 haruslah dikekalkan momentumnya untuk terus meningkat pada tahun 2023.

17. Selain itu, KPKT komited untuk memperkukuhkan agenda bandar yang inklusif, selamat, berdaya tahan, pintar dan mampan. Pencapaian dan keberkesanan yang dicapai di dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) khususnya SDG 11 antara lain melalui Rancangan Fizikal Negara ke-4 (RFN4) dan Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia 2019-2025 akan diteliti oleh pihak kementerian. Ia menekankan 7 elemen utama iaitu **smart government, smart economy, smart living, smart mobility, smart environment, smart people** dan **smart digital infrastructure**.

YBhg. Dato, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian

18. Peranan komuniti yang berbilang kaum dalam bandaraya ini adalah sangat penting dalam menggerakkan agenda Kerajaan. Pelbagai program dan kempen kesedaran perlu diperbanyakkan supaya semua ahli dalam komuniti dapat memainkan peranan masing-masing seperti dalam aspek kebersihan, pengurusan sampah, keselamatan, isu bencana alam dan banyak lagi.
19. Kerjasama semua pihak adalah amat penting dalam memainkan peranan bagi menentukan corak pembangunan di Majlis Bandaraya Seremban agar setiap perancangan yang hendak dilaksanakan komprehensif dan mengambilkira semua aspek keperluan fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar.
20. Justeru itu sikap dan disiplin ke arah budaya kerja yang lebih progresif adalah sangat diperlukan bagi memastikan segala perancangan ini akan dicapai sepenuhnya menjelang tahun 2025 bagi menjadikan Majlis Bandaraya Seremban sebuah PBT yang maju dan setaraf dengan bandar raya utama.

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN DAN SEWAAN GERAI

21. Operasi Kaunter Bergerak kutipan Cukai Taksiran pintu ke pintu telah diadakan pada 17 & 24 Disember 2023 di Taman Lavender Heights & Bandar Enstek serta Timur Enstek. Jumlah kutipan mulai 1 Disember 2022 hingga 31 Disember 2022 ialah **RM 26,076.00**

22. Manakala, pada 14 dan 15 Disember yang lalu , Kutipan kaunter bergerak bagi sewa gerai dan pasar telah diadakan di Pasar Seremban Jaya dan Pasar Rasah Jaya. Jumlah kutipan mulai 1 Disember 2022 sehingga 31 Disember 2022 adalah **RM 48,681.75**
23. Selain itu, Kempen Cabutan Bertuah yang telah bermula pada 1 Julai 2022 sehingga 31 Disember 2022 dengan syarat utama penyertaan pembayaran cukai taksiran adalah secara atas talian. Cabutan bertuah bulanan bagi bulan Julai hingga Disember 2022 telah dibuat pada Mesyuarat Majlis Penuh yang lepas. Bilangan penyertaan dan jumlah kutipan adalah seperti berikut:

| Bulan | Bilangan Yang Layak | Jumlah Kutipan (RM) |
|------------------|----------------------------|----------------------------|
| Julai | 1,184 | 317,506.41 |
| Ogos | 1,826 | 487,364.24 |
| September | 517 | 102,485.55 |
| Oktober | 474 | 202,459.50 |
| November | 1,145 | 350,517.82 |
| Disember | 7,101 | 2,249,980.54 |
| Jumlah | 12,247 | 3,710,314.06 |

Sumber: Jabatan Kewangan

YBhg. Dato' & Tuan Puan sekalian

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

MAJLIS ANUGERAH PEKERJA CONTOH BULAN SEPTEMBER HINGGA DISEMBER TAHUN 2022

24. MBS melalui Jabatan Khidmat Pengurusan turut telah mengadakan Majlis Anugerah Pekerja Contoh Bulan September Hingga Disember Tahun 2022. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada 24 orang kakitangan daripada pelbagai jabatan dan unit menerima anugerah ini. Saya berharap dengan pelaksanaan **Anugerah Pekerja Contoh** ini diharap akan dapat menyuntik semangat dan sebagai tanda penghargaan kepada pegawai dan kakitangan MBS serta menjadi inspirasi kepada semua warga kerja MBS untuk meneruskan kecemerlangan perkhidmatan dalam menjalankan tugas

Sumber: Jabatan Khidmat Pengurusan

PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

25. Sehingga 31 Disember 2022, Majlis telah menjalankan aktiviti kawalan fogging di sebanyak **64,814 buah premis, ULV di 120,018 buah premis, larvaciding di 102 lokaliti, source reduction di 102 lokaliti** dan **gotong royong di 127 buah taman**. Manakala, laporan aktiviti sanitasi dan disinfeksi sehingga 31 Disember 2022 adalah sebanyak **568 sanitasi** dan **648 disinfeksi**.

YBhg. Dato' & Tuan Puan sekalian

26. Selain itu, sehingga 20 Januari 2023, kedudukan terkini Tanah Perkuburan Islam Ainsdale, sebanyak 308 kematian biasa dan 533 kematian covid-19 direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 164 kematian biasa dan 24 kematian covid-19 direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2, sebanyak 446 kematian biasa direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Nilai, sehingga 20 Januari 2023, masih tiada jenazah dikebumikan di tanah perkuburan ini.

27. Satu taklimat kepada peniaga Gerai Taman Coral Height dan Gerai Taman Pinggiran Senawang telah diadakan pada 5 Januari 2023 bertempat di Bilik Dato' Shahbandar, MBS. Seramai 19 orang peniaga Gerai Taman Coral Height telah hadir bagi menerima surat tawaran gerai dan penjelasan syarat-syarat sewaan serta syarat-syarat am kelulusan lesen. Manakala, seramai 10 orang peniaga Gerai Taman Pinggiran Senawang hadir susulan dari surat tawaran yang telah dikeluarkan kepada mereka pada 30 Disember 2022 serta memberi penjelasan syarat-syarat sewaan dan syarat-syarat am kelulusan lesen.

YBhg. Dato' & Tuan Puan sekalian,

BAZAR RAMADHAN 2023

28. Majlis Bandaraya Seremban telah membuka permohonan penganjur bazar ramadhan di lokasi lain di dalam kawasan MBS. Terdapat **33 lokasi** dengan sebanyak **1,177 bilangan petak** disediakan. Permohonan telah dibuka bermula 27 Januari 2023 dan akan ditutup pada **10 Februari 2023**. Maklumat lanjut berkaitan permohonan penganjur boleh dirujuk di laman sesawang dan facebook MBS.

29. Selain itu, harus diingatkan semasa program Konvensyen Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan Tahun 2022 (HPPK2022), YAB Perdana Menteri menegaskan bahawa aktiviti ejen memonopoli tapak perniagaan penjaja dan tapak bazar Ramadan mestilah dihapuskan. **Monopoli** menyebabkan penjaja dan peniaga terpaksa menggunakan ejen yang sekali gus menyebabkan kesukaran ramai penjaja yang ingin mencari tempat berniaga. Majlis perlu mengambil inisiatif untuk bantu para penjaja dalam pelaksanaan Bazar Ramadhan.

Sumber: Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran

YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMPANGUNAN MASYARAKAT DAN PELANCONGAN

30. Pada 26 Januari yang lalu, Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Majlis Bacaan Yaasin di Masjid At-Taqwa Kampung Paroi, Seremban. Program ini merupakan kesinambungan daripada tahun 2022 yang diadakan sempena Ulang Tahun MBS. Tujuan utama program ini diadakan bagi mendengar isu-isu dan masalah jemaah kariah tersebut. Untuk makluman Ybhg. Dato' & Tuan Puan sekalian hanya adalah acara pertama Sempena Ulang Tahun ke 3 MBS.

31. Sehubungan dengan itu, saya memohon kepada semua ahli mesyuarat dan ketua jabatan untuk turut serta pada program seperti ini kerana ianya merupakan peluang kepada kita untuk bertemu dengan rakyat dan menyampaikan isu-isu yang dibangkitkan kepada kepimpinan negeri.

Sumber: Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan

PENUTUP

MEMBANGUN MALAYSIA MADANI

32. Pada 19 Januari 2023 yang lalu, telah berlangsung Majlis Amanat “**Membangun Malaysia Madani**” oleh YAB Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia. YAB Perdana Menteri menekankan konsep **MADANI** telah dirangka sebagai ikhtiar untuk memetakan strategi bagi mentadbir negara dengan berkesan. Negara – dan peradaban – yang kita citakan, dan akan bangunkan kelak haruslah M.A.D.A.N.I.

M : ke**M**ampanan,

A : kesej**A**heraan,

D : **D**aya cipta,

A : horm**A**t,

N : keyaki**N**an

I : Ihsan.

33. Istilah “Madani” merujuk kepada tatakelola yang adil dan berkesan dalam sejarah umat Islam di Madinah, yang dipimpin oleh Nabi Muhammad SAW dan didukung oleh warganya yang berbilang kaum dan agama, yaitu masyarakat yang mengacu pada dasar-dasar manfaat buat warganya yang disebut *al-khayr*.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

34. **“Malaysia Madani”** akan menjadi satu gagasan baharu yang memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Di atas semangat itu, kejituan hasrat dan kesungguhan azam, maka YAB Perdana Menteri ingin membawa gagasan baharu **“Malaysia Madani”** ini sebagai mantra yang akan kita dukung bersama.
35. Saya berharap setiap warga kerja MBS hendaklah berusaha mengamalkan budaya kerja yang cemerlang dengan bertunjangkan iman dan akhlak. Bagi yang menyedari hakikat ini, mereka akan sentiasa berusaha meningkatkan kualiti dan produktiviti pada setiap masa tanpa rasa jemu. Kita perlu sedar bahawa bekerja itu bukan sekadar tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara malah ia merupakan amanah Allah SWT.

فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ

Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain)

Surah Asy-syarah : Ayat 7

YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

36. Selain itu, aduan orang awam perlulah diberi perhatian yang sewajarnya dan bersopan santun semasa melayani pelanggan serta berusaha untuk mencari jalan penyelesaian terbaik bagi memuaskan hati pelanggan. Saya menyeru warga kerja MBS agar mengamalkan amalan berbudi bahasa kerana saya tidak boleh menerima pelanggaran tatasusila oleh kakitangan MBS.

وَأَمَّا السَّائِلَ فَلَا تَنْهَرْ

***Adapun orang yang meminta (bantuan pimpinan) maka
janganlah engkau tengking herdik***

Surah Ad-Dhuha : Ayat 10

37. Sifat mesra pelanggan mestilah ditunjukkan oleh setiap kakitangan MBS selain mengamalkan budi bahasa yang baik dan nilai-nilai murni yang mana sifat ini turut dituntut dalam setiap agama.
38. Akhir kata, dalam menerajui Majlis Bandaraya Seremban, fokus utama saya adalah untuk menghasilkan perkhidmatan secara profesional, cemerlang dan berkualiti. Saya juga ingin memastikan pembangunan di Majlis Bandaraya Seremban membangun secara terancang dan mampan bagi memastikan warga bandar raya menikmati kehidupan yang selesa & sejahtera.

39. Majlis juga akan mempertingkatkan pemberian perkhidmatan Bandar Raya yang bersih, cekap, berkualiti dan berkesan kepada masyarakat. Majlis Bandaraya Seremban juga akan terus mendukung Visi dan Misinya iaitu sebagai Bandar Raya pintar yang Mampan, Bersih dan Berdaya Maju.

Sekian, terima kasih

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
1 FEBRUARI 2023